

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: 19 MAC 2014

SOALAN:

Tuan M.Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kes tunggakan yang terdapat di Mahkamah Buruh dan Mahkamah Perusahaan. Apakah langkah-langkah dan usaha yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengendalikan kes tertungak ini

PR-1321-L59253

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mewujudkan sebuah tribunal untuk membuat keputusan terhadap tuntutan yang dibuat di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) yang dikenali sebagai Mahkamah Buruh. Tuntutan ini adalah tuntutan kewangan berkaitan hak *statutory* samada pekerja atau majikan.

Kedudukan Kes Di Mahkamah Buruh

2. Pada tahun 2013 sebanyak 14,762 kes perbicaraan di Mahkamah Buruh yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Daripada jumlah itu sebanyak 13,312 atau 90.2% kes telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu kurang 90 hari dan kes yang masih belum selesai dalam tempoh 90 hari adalah sebanyak 727 atau 4.9% kes. Hanya sebanyak 723 atau 4.9% kes yang masih tertunggak. Kedudukan kes tuntutan di Mahkamah Buruh pada tahun 2013 adalah di Jadual 1.

Jadual 1: Kedudukan Dan Jumlah Kes Tuntutan Di Mahkamah Buruh Pada Tahun 2013

Bil	Kedudukan Kes	Jumlah	Peratus
1.	Kes Selesai	13,312	90.2
2.	Kes Belum Selesai (dalam tempoh 90 hari)	727	4.9
3.	Kes Belum Tertunggak (lebih 90 hari)	723	4.9
4.	Jumlah Kes Kendali	14,762	

Sumber: Labour Market Database (LMD), KSM

Langkah-Langkah Yang Diambil Untuk Mengatasi Masalah Tunggakan

Untuk makluman Dewan Yang Mulia,

3. JTK telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk meminimumkan kes-kes tertunggak ini. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Pegawai terlatih mengendalikan kes *Prosiding* atau tatacara pendengaran kes di Mahkamah Buruh adalah informal, mudah dan murah yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai JTK yang berke Layakan. Namun begitu pendengaran kes ini tidak meninggalkan prinsip hak keadilan asasi (*natural justice*) yang diikuti oleh mahkamah-mahkamah atasan. Pegawai pendengar kes juga memberi perhatian kepada peraturan-peraturan mahkamah yang mengawal sesuatu perbicaraan. Ini bertujuan untuk mengelak keputusan Mahkamah Buruh daripada dirayu dan ditolak oleh Mahkamah Tinggi semata-mata disebabkan oleh kesilapan mengikut peraturan-peraturan tersebut.
- (ii) Menggabungkan beberapa kes menjadi satu kes Kes-kes mudah (*clear cut*) seperti tuntutan gaji, bayaran gaji ganti notis dan sebagainya yang dipersetujui atau diakui oleh pihak kena tuntutan kepada satu kes bagi memudahkan proses penyelesaian kes. Kes seperti ini berakhir dengan persetujuan bersama semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Di bawah KSM terdapat Mahkamah Perusahaan yang berperanan mendengar kes-kes pembuangan kerja dan kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk oleh Y.B. Menteri Sumber

Manusia. Remedi yang diberi oleh Mahkamah Perusahaan tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

5. Mahkamah Perusahaan sememangnya senantiasa memberi keutamaan untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak mengikut usia kes. Berikut adalah kedudukan kes Tertunggak di Mahkamah Perusahaan sehingga 31 Januari 2014:

Jadual :Kedudukan Kes Tertunggak di Mahkamah Perusahaan sehingga 31 Januari 2014

PERKARA	2012	2013	2014 sehingga 31.1.2014
Menunggu Bicara	2139	1803	1716
Menunggu Keputusan	191	255	230
Menunggu Hujahan	211	169	153
Prosiding 'Certiorari'	18	10	12
Baki Kes Keseluruhan	2559	2237	2111

6. Berdasarkan statistik sehingga 31 Januari 2014 sebanyak 2,111 kes yang dirujuk masih tertunggak dan belum diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan. Daripada jumlah tersebut 869 kes merupakan kes lama (kes dirujuk lebih 1 tahun), 847 kes baru (kes dirujuk kurang dari 1 tahun), 230 kes menunggu award diturunkan, 153 kes menunggu hujahan dan sebanyak 12 kes terlibat dengan prosiding certiorari.

7. Mahkamah Perusahaan turut mengambil langkah-langkah bagi

meningkatkan keberkesanan penyelesaian kes seperti berikut:

- i. Menggunakan pendekatan *Alternatif Dispute Resolution* (ADR) melalui kaedah Perantaraan (Mediation) atau Penilaian Awal (Early Evaluation) untuk mempercepatkan penyelesaian kes.
- ii. Memudahkan prosedur perbicaraan dengan memperkenalkan pemfailan pernyataan saksi sebelum perbicaraan. Ini adalah bertujuan menjimatkan masa semasa perbicaraan di Mahkamah.
- iii. Tidak membenarkan permohonan daripada peguam untuk menangguhkan perbicaraan kes kerana sesuatu sebab atau alasan melainkan dengan sebab atau alasan yang munasabah dan tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit dan kecemasan.
- iv. Membangunkan 11 buah Mahkamah Digital iaitu yang menggunakan teknologi Sistem Perekodan Digital. Sistem ini dilengkapi dengan teknologi pengecaman suara yang boleh menghasilkan transkrip nota keterangan secara digital. Perekodan perbicaraan secara digital akan mempercepatkan proses perbicaraan sesuatu kes.

8. Sehubungan dengan itu, Mahkamah Perusahaan dari masa ke semasa berusaha untuk mengatasi segala masalah ini dan akan memastikan semua kes pertikaian yang dirujuk dapat diselesaikan secepat mungkin dan seadil-adilnya.